

# KESESUAIAN KEMAHIRAN ASAS PERTANIAN DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK/VOKASIONAL PERTANIAN KE ARAH PERSEDIAAN MENCEBURI BIDANG USAHA TANI

Yahya Bin Buntat & Norakmal Binti Mohd Zahari  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian kemahiran asas pertanian di sekolah Menengah Teknik/Vokasional Pertanian ke arah persediaan menceburi bidang usahatani. Responden kajian ini melibatkan semua pelajar tingkatan empat yang mengambil jurusan Sains Pertanian. Seramai 60 Orang pelajar dari sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu, Melaka terlibat sebagai responden. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang mengandungi 44 item soalan. Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan cronbach Alpha di mana nilai keseluruhan ialah 0.875. Data diperolehi dengan menggunakan program Statistical Package for the Social Science (SPSS for window version 11,5) bagi mendapatkan kekerapan dan peratusan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran asas pertanian sangat sesuai dipelajari oleh pelajar sebagai persediaan dalam kerjaya pertanian. Hal ini menunjukkan bahawa sukatan mata pelajaran Sains Pertanian selari dengan keperluan kerjaya di dalam bidang pertanian iaitu meliputi min sebanyak 3.68, pelajar mempunyai kemahiran yang cukup dalam pendidikan Sains Pertanian adalah sebanyak 3.88, pelajar berminat dalam mata pelajaran Sains Pertanian sebanyak 3.86 dan pelajar telah dibimbing dengan sempurna dalam bidang kerjaya iaitu sebanyak 3.69 iaitu kesemua persoalan kajian berada pada tahap yang tinggi.

**Abstract:** The research is introduced to identify the suitability of Agriculture basics skill at Agriculture Technical and Vocational school towards the preparation of joining the agriculture field. The respondents of this research were all students of Form 4, taking the Agriculture course. 60 students from SMK Teknik Bukit Piatu, Melaka were involved in this research. The research instruments used in this research was questionnaires which contained 44 question items. The validity of questionnaires was tested by using the Alpha Cronbach which the value was 0.875. The data were analyzed by using the program of SPSS for getting the frequency, and percentage. The research showed, the agriculture skill is very suitable for student as a preparation in the agricultural career. It's also show that the syllabus of this Agriculture Science subject parallel with the career of agriculture needed and this show by the mean value 3.68, student have enough skill with mean 3.88, student are interested in Agriculture Science subject with meant 3.86 and the teacher give good lesson to their student with mean 3.69 and all of this showed that all of research question were at high level.

*Katakunci:* kemahiran asas pertanian, usahatani

## Pengenalan

Melalui buku Bacaan-Bacaan Untuk Penulis-Penulis Pertanian (Mohd Yusuf Hussain, 1976) Pendidikan Vokasional Pertanian di Malaysia terdapat dalam pelbagai bentuk dan kaedah yang dikendalikan oleh pelbagai Kementerian Kerajaan dengan matlamat yang berasingan. Kebanyakan institusi-institusi latihan awam tidak seperti latihan-latihan vokasional dalam pengajian teknikal atau perdagangan dan institusi latihan vokasional pertanian tidak dikelolakan oleh sektor swasta di negara ini. Kedua-dua sektor awam dan swasta mendapatkan tenaga mahir mereka daripada punca yang sama iaitu daripada institusi-institusi latihan awam. (Mohd. Shah Lassim, 1976) Kementerian Pelajaran Malaysia menawarkan Sains Pertanian sebagai salah satu mata pelajaran terpilih. Di bawah Sistem Pelajaran Komprehensif yang diwujudkan

dalam tahun 1965 setiap pelajar sekolah menengah dikehendaki memilih sekurang-kurangnya satu pilihan daripada mata pelajaran elektif iaitu perdagangan, sains pertanian, sains rumahtangga dan seni perusahaan.

Sains Pertanian ialah satu pengajian yang saintifik dan sistematik tentang sumber alam semula jadi (contohnya tanah, tumbuhan dan haiwan) serta pengendalian sumber alam semula jadi ini untuk menghasilkan makanan dan bahan mentah. Di samping itu juga digunakan untuk memenuhi keperluan estetika manusia. Melalui Buku Panduan Pendidikan Pertanian di Sekolah Umum (Abdul Fatah, 1994) Pendidikan Vokasional pertanian boleh ditakrifkan sebagai pengajaran pertanian yang sistematik di peringkat rendah, menengah, menengah lanjutan atau di peringkat dewasa yang bertujuan untuk menyediakan seseorang bagi menceburi atau memasuki semua bidang kerjaya yang berkaitan dengan pertanian. Pendidikan vokasional pertanian mempunyai matlamat tambahan iaitu pengajaran ke arah pembentukan dan pembinaan kerjaya dan keusahawanan.

### **Penyataan Masalah**

Pendidikan Sains Pertanian adalah salah satu mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pada tahun 1968, pendidikan Sains Pertanian telah diperkenalkan di sekolah Pendidikan Teknik dan Vokasional dan pembelajarannya adalah berbentuk teori dan amali. Berdasarkan latar belakang masalah yang dinyatakan didapati mata pelajaran Sains Pertanian tidak diajar secara meluas dan hanya diajar pada peringkat PMR di samping itu juga minat pelajar juga perlu diambil kira dalam penentuan.

Terdapat banyak permasalahan yang dihadapi oleh pelajar mengenai mata pelajaran dan kesesuaian kerjaya yang perlu diceburi setelah tamat pembelajaran. Dengan ini pengkaji mendapati terdapat beberapa fokus yang akan dikaji dalam kajian ini. Fokus yang akan dikaji adalah keperluan pendidikan Sains Pertanian dalam era kini, kemahiran yang dibekalkan, minat pelajar dalam mata pelajaran ini dan akhir sekali adalah bimbingan pemilihan kerjaya yang diberikan kepada pelajar. Dengan ini pengkaji ingin mengkaji tentang Kesesuaian kemahiran asas pertanian di Sekolah Menengah Teknik/Vokasional (Pertanian) ke arah persediaan menceburi bidang kerjaya.

### **Objektif Kajian**

Berdasarkan masalah kajian, objektif yang pengkaji ingin capai melalui kajian ini ialah

- i. Mengenalpasti pendidikan Sains Pertanian di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional memenuhi asas keperluan kerjaya dalam bidang pertanian.
- ii. Mengenalpasti kemahiran pelajaran Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional dalam mata pelajaran pendidikan Sains Pertanian.
- iii. Mengenalpasti minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Sains Pertanian.
- iv. Mengenalpasti bimbingan terhadap kesesuaian kerjaya kepada pelajar

### **Kepentingan kajian**

Kajian ini dapat memberi input mengenai persediaan pelajar yang mengambil jurusan Sains Pertanian ke arah persediaan dalam menceburi bidang usaha tani.

Kajian ini juga mampu memberi input kepada pelbagai pihak dalam usaha mendidik generasi akan datang dengan lebih berkesan. Kajian ini juga diharap dapat membantu ibu bapa, guru dan Kementerian

Pelajaran Malaysia (KPM) dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta penilaian meningkatkan pengurusan dengan memberi lebih tumpuan kepada sistem pengambilan kemasukkan setiap pelajar dalam jurusan Sains Pertanian dengan mengambil kira terhadap minat pelajar itu sendiri selain melihat kepada pencapaian akademik agar mereka dapat menceburi alam pekerjaan selari dengan bidang yang dipelajarinya.

### **Batasan Kajian**

Batasan kajian bagi kesesuaian kemahiran asas pertanian di Sekolah Menengah Teknik/Vokasional ke arah persediaan menceburi bidang usaha tani adalah terhad kepada SMT yang menyediakan kursus aliran sains pertanian memandangkan tujuan kajian mencakupi bidang kerjaya dalam sains pertanian. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar tingkatan empat daripada SMT Bukit Piatu, Melaka.

### **Metodologi**

#### **Populasi dan sampel**

Sampel yang digunakan di dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Sains Pertanian di Sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu, Melaka. Penyelidik telah menggunakan seluruh populasi iaitu seramai 60 orang pelajar.

#### **Instrumen kajian**

Bagi menjalankan kajian, suatu instrumen perlu digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Menurut Sekaran (1992) terdapat pelbagai instrumen yang boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat. Hal ini disebabkan setiap instrumen tersebut mempunyai cara yang tersendiri untuk mengukur dan mendapatkan maklumat daripada sumber data.

Oleh itu, instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Hal ini disebabkan borang soal selidik merupakan pengganti kepada diri pengkaji dan penyumbang di antara pengkaji dan responden (Mohd Sheffie, 1999). Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar untuk mendapatkan maklum balas daripada mereka. Melalui soal selidik yang dijalankan responden hanya perlu menandakan jawapan berdasarkan persetujuan yang diberikan dan pengkaji akan membuat analisis berdasarkan nilai skala yang telah diberikan untuk setiap jawapan yang diberi oleh responden

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat latar belakang responden, manakala bahagian B mengandungi item-item soalan yang dibentuk menggunakan Skala Likert untuk mendapat maklumat tentang persoalan kajian.

#### **Kajian Rintis**

Pelaksanaan kajian rintis ini bertujuan mengenal pasti ketepatan soal selidik sama ada ianya boleh difahami oleh responden atau tidak serta untuk memperbaiki struktur olahan bahasa. Selain itu kajian rintis dijalankan untuk menguji semua kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan. Sebanyak 15 set borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru.

Data yang diperoleh daripada kajian rintis dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package of Social Science (SPSS) for Windows Version 11.5*. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, didapati bahawa kebolehpercayaan bagi keseluruhan item di dalam borang soal selidik adalah tinggi, di mana nilai alpha ialah 0.8525. Alpha merupakan ketetapan dalaman dan nilai maksimum untuk pekali kebolehpercayaan adalah 1, sekiranya nilai tersebut kurang dari 0.6 maka boleh dikatakan instrumen yang digunakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah (Mohd Salleh dan Zaidatun,2001).

## **Perbincangan**

### **Demografi**

Kajian ini melibatkan seramai 60 orang pelajar yang mengambil jurusan Sains Pertanian di SMT Bukit Piatu, Melaka. Berdasarkan jantina, didapati majoriti pelajar yang mengambil jurusan Sains Pertanian adalah daripada pelajar perempuan. Hanya 16.7% sahaja daripada pelajar lelaki. Hal ini mungkin disebabkan bidang pertanian bukan pilihan bagi kebanyakan pelajar lelaki sepertimana pelajar perempuan. Senario ini dapat dilihat dengan sokongan Abdul Rahman Aziz (1997) yang menyatakan bahawa pelajar lelaki lebih cenderung untuk memilih pekerjaan dalam bidang kejuruteraan. Pemilihan pekerjaan dalam bidang kejuruteraan menyebabkan pelajar lelaki akan lebih cenderung untuk memilih aliran kejuruteraan semasa di sekolah teknik bukannya dalam bidang pertanian. Oleh itu, senario inilah yang menjadikan responden yang terdapat dalam kajian ini adalah kurang pada jantina lelaki.

Bagi faktor bangsa, didapati kesemua responden adalah daripada bangsa Melayu. Hal ini mungkin disebabkan oleh masyarakat Melayu semakin menyedari bahawa bidang pertanian merupakan suatu bidang yang semakin mendapat tumpuan umum terutamanya polisi kerajaan Malaysia sendiri yang menekankan bahawa pertanian merupakan bidang yang boleh menjana keuntungan.

Pelajar yang mengambil jurusan Sains Pertanian ini merupakan pelajar menengah atas yang melanjutkan pelajaran setelah menduduki peperiksaan PMR. Menceburi bidang Sains Pertanian merupakan suatu keputusan yang dipilih oleh pelajar berdasarkan minat mereka terhadap bidang ini.

Latar belakang pendapatan bapa/penjaga pelajar pula merupakan item yang digunakan untuk mengesan pandangan keluarga terhadap sektor pertanian. Majoriti pendapatan bapa/penjaga pelajar adalah melebihi RM1000 iaitu daripada sektor kerajaan. Memandangkan sektor pertanian merupakan sektor yang semakin mendapat perhatian negara kini, ia akan menjadi sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing (Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor, 2004). Masyarakat telah membuka mata dan mengambil inisiatif untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian terutamanya golongan kakitangan kerajaan yang telah maklum dengan sasaran negara dalam bidang pertanian ini. Hal ini juga berkaitan dengan pemahaman para bapa/penjaga yang kebanyakannya berpendidikan sehingga tahap Maktab atau Institusi Kemahiran.

### **Apakah Pendidikan Sains Pertanian memenuhi keperluan kerjaya di dalam bidang pertanian?**

Tiga item tertinggi dipilih bagi menyokong persoalan kajian ini iaitu pada item kelima, item keenam dan item ketujuh. Secara keseluruhannya pendidikan Sains Pertanian memenuhi keperluan industri berada pada tahap yang tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui min bagi persoalan kajian ini adalah 3.68. Daripada keseluruhan data yang diperoleh, didapati min tertinggi adalah pada item ketujuh iaitu 4.18 diikuti dengan item kelima dan item keenam yang masing-masing 4.08 dan 4.03. Item ketujuh mampu menyediakan pelajar sebagai tenaga kerja yang mahir dalam industri yang bersesuaian dengan kurikulum Sains Pertanian iaitu pada item kelima dan disokong pula dengan item keenam iaitu dibekalkan dengan sukatan pelajaran amali yang bersesuaian dengan teori Sains Pertanian.

Kajian ini mendapati pelajar bersetuju bahawa dengan menceburkan diri dalam bidang Sains Pertanian ini mereka akan dapat menyediakan diri mereka dengan kemahiran yang membolehkan mereka berada dalam sektor pertanian. Hal ini selari dengan objektif Sukatan pelajaran Sains Pertanian yang bertujuan memperkukuhkan asas kerjaya dalam bidang pertanian. Di samping itu, sukatan amali yang diterapkan kepada pelajar adalah berkaitan dengan teori Sains Pertanian. Secara tidak langsung, pelajar akan dapat mengetahui mengenai perkembangan dalam bidang pertanian sejak di peringkat sekolah lagi.

Peringkat pengkhususan pendidikan yang dimulakan pada tingkatan empat merupakan kecenderungan yang dilihat oleh pelajar itu sendiri berdasarkan keputusan peperiksaan PMR yang mereka duduki. Di samping itu, keselarian dengan minat juga menjadi pendorong bagi pelajar untuk memilih bidang Sains Pertanian. Sifat yang dipunyai oleh aliran Sains Pertanian ini juga mampu membawa pelajar secara terus dengan perkembangan terkini berkaitan dengan keperluan industri semasa.

Menurut Ahmad Mohd. Sharif (1976), kurikulum adalah satu rancangan pendidikan yang mengandungi ilmu pengetahuan serta kemahiran, nilai norma dan unsur kebudayaan yang diperturunkan pada pelajar untuk membina perkembangan lengkap daripada segi jasmani, rohani, akal dan emosi. Oleh itu, dengan adanya penkhususan bidang Sains Pertanian ini yang selari dengan minat pelajar maka pelajar dapat mengasah kemahiran berteraskan kurikulum yang telah disediakan. Di samping itu, bidang Sains Pertanian ini juga dapat menjamin kehidupan pelajar setelah mereka menceburkan diri ke alam pekerjaan dengan dibekalkan pembelajaran yang dipelajari mereka. Hal ini disokong oleh Murad Mohd Noor (1986) yang menyatakan pelajar mampu mengembangkan potensi mereka dan memperbaiki lagi kualiti hidup dengan meluaskan lagi kemahiran dan pengetahuannya.

Selain daripada itu, terdapat juga min yang paling rendah daripada item persoalan kajian ini. Didapati min yang paling rendah adalah “masa yang diperuntukkan dalam pembelajaran teori Sains Pertanian adalah mencukupi” iaitu sebanyak 2.68. Manakala item yang ketiga adalah sederhana iaitu “masa bagi saya melakukan kerja amali adalah mencukupi” dengan min sebanyak 3.35. Hal ini menunjukkan pelajar memerlukan lebih masa untuk memahami teori sebelum melakukan kerja amali. Peruntukan masa untuk kerja amali juga dirasakan tidak mencukupi untuk mengaplikasikan semua teori yang dipelajari oleh mereka.

### **Apakah kemahiran yang diperlukan dalam pendidikan sains pertanian?**

Tiga item tertinggi dipilih bagi menyokong persoalan kajian ini iaitu pada item pertama, item kelapan dan item sepuluh. Hasil daripada persoalan kajian kedua ini didapati min keseluruhan bagi item-item ini adalah 3.88 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Item yang paling tinggi adalah “saya menggunakan kemahiran yang dipelajari dalam penjagaan tanaman” dengan min 4.10. Dapat dirumuskan bahawa pelajar sememangnya menggunakan kemahiran yang dipelajari dalam mata pelajaran Sains Pertanian. Item kedua tertinggi berdasarkan min adalah “Saya mahir menggunakan alatan tangan semasa kerja amali” dengan min 4.07 juga berada pada tahap tinggi. Hal ini diikuti dengan min ketiga tertinggi iaitu 4.05 iaitu item “Saya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan keselamatan semasa kerja amali berlangsung”.

Dalam membincangkan mengenai keperluan kemahiran dalam pendidikan Sains Pertanian, pelajar akan dilihat dan diperhatikan dari segi pengurusan peralatan dan bahan-bahan yang digunakan. Kegunaan alatan dan bahan semasa pengajaran dan amali dapat menjadikan pelajar lebih cekap dalam menguruskan situasi semasa berada dalam persekitaran pertanian. Menurut buku New York City Board of Education, Brooklyn New York (1991), asas penting yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja baru adalah mempunyai kemahiran amali dalam sesuatu bidang pekerjaan.

Oleh itu, pelajar dalam bidang Sains Pertanian ini perlu meningkatkan kemahiran mereka memandangkan ia merupakan satu faktor penentu yang membezakan mereka dengan individu yang hanya mempelajari secara teori sahaja terutamanya pelajar yang berada di sekolah harian biasa. Kekurangan kemahiran boleh menjadi penghalang besar terhadap pengeluaran dan pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, pelajar seharusnya didedahkan dengan kemahiran tersebut bagi meyakinkan mereka untuk membawa diri di persada industri apabila tiba masanya nanti.

Pengetahuan dan kemahiran mestilah selalu bertambah dan berubah demi untuk pembangunan pertanian. Persekitaran industri yang semakin rumit, pertukaran teknologi yang pesat dan persaingan antarabangsa memerlukan tenaga kerja yang berpelajaran dan terlatih untuk menjalankan kerjanya dengan berkesan. Oleh itu, setiap pelajar seharusnya mendapat kemahiran terkini yang sepatutnya dimiliki oleh tenaga pengajar mereka. Kemahiran ini dapat membantu menyediakan pelajar bagi kerja masa kini dan akan datang.

Memandangkan ekonomi moden sekarang memerlukan pekerja-pekerja yang berpandangan luas, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, maka keperluan tersebut dapat memberi kelebihan pada pelajar untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku.

Namun begitu masih terdapat item yang menunjukkan min yang berada pada tahap yang sederhana iaitu 3.33 dengan kenyataan “latihan untuk membentuk kemahiran penggunaan perkakasan dan peralatan adalah mencukupi”. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mendapat kemahiran yang secukupnya dalam mengendalikan perkakasan dan peralatan dalam bidang pertanian. Sekiranya hal ini berpanjangan, tidak dinafikan sekiranya pelajar ini tidak dapat menunjukkan potensi yang meyakinkan setelah berada di alam pekerjaan walhal mereka pernah menggunakan perkakasan dan peralatan tersebut. Senario ini mampu memberikan tanggapan negatif pihak majikan pada mereka seterusnya pada institusi yang mengeluarkan pelajar ini. Oleh itu, peruntukan masa yang lebih panjang adalah dialu-alukan.

### **Apakah pelajar berminat dalam mata pelajaran Pendidikan Sains Pertanian?**

Nilai min bagi keseluruhan item bagi persoalan ini adalah 3.86 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Tiga item tertinggi dipilih bagi menyokong persoalan kajian ini iaitu pada item kedua, item keempat dan item kelapan. Daripada Jadual 4.9, didapati pelajar berminat menjalankan kerja-kerja amali dalam mata pelajaran Sains Pertanian dengan min 4.50 dan pelajar juga menyukai mata pelajaran ini kerana banyak pengetahuan yang dapat dipraktikkan di luar sekolah dengan min 4.32. Akhir sekali jadual juga menunjukkan mereka berasa gembira berada di kelas Sains Pertanian dengan min 4.28.

Berdasarkan min yang diperoleh daripada keseluruhan item ini, didapati pelajar yang terlibat mempunyai minat yang tinggi dalam mata pelajaran Pendidikan Sains Pertanian. Hal ini menjadikan mata pelajaran ini sebagai satu mata pelajaran yang amat berkesan di peringkat sekolah menengah. Minat ini menjadikan pelajar lebih tekun dan fokus pada pembelajaran mereka. Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1983), keperluan dan minat pelajar amat penting dalam perancangan sesuatu bidang yang diceburi. Hal ini dikuatkan oleh Zakaria Abd. Raman (1976) yang mengatakan bahawa pelajar-pelajar mungkin memilih Sains Pertanian sebagai mata pelajaran elektif disebabkan mereka telah biasa dengan pertanian dan yakin dengan kemampuan mereka mengikuti pelajaran.

Memandangkan pertanian ini telah diketahui oleh pelajar semenjak mereka kecil lagi, maka mereka beranggapan bahawa kejayaan dalam bidang Sains Pertanian mampu dikecapi dengan berbekalkan minat yang tinggi. Peratusan yang tinggi menunjukkan pelajar yang terlibat dalam bidang Sains Pertanian ini terdiri daripada mereka yang sukakan kerja luar. Hal ini amatlah bertepatan dengan senario bidang ini sendiri yang memerlukan pelajar untuk berada di luar bilik darjah bagi menjalankan kerja-kerja pertanian.

Dalam arus teknologi terkini, kebanyakan ibu bapa cenderung menggalakkan anak-anak mereka supaya menceburi bidang teknologi berbanding dengan bidang pertanian. Hal ini yang menjadikan golongan muda kini kurang berminat untuk menceburi bidang ini. Namun begitu, seharusnya golongan ibu bapa inilah yang sepatutnya menjadi panduan pada anak-anak untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi mengenai pertanian disebabkan mereka membesar pada era pertanian. Dengan kata lain, ibu bapa atau lebih tepat lagi masyarakat haruslah mengikis prasangka dan sikap negatif terhadap bidang pertanian. Mereka tidak perlu menganggap bahawa bidang ini hanya untuk mereka yang rendah pencapaian akademiknya.

Namun begitu masih terdapat item yang menunjukkan min yang berada pada tahap yang rendah iaitu 1.67 dengan kenyataan "saya meminati mata pelajaran ini kerana mengikut rakan-rakan". Hal ini menunjukkan bahawa pelajar yang mengikuti aliran ini berdasarkan minat mereka sendiri bukannya mengikuti rakan-rakan mereka. Daripada kajian ini, dapat dilihat bahawa pelajar telah menyedari kepentingan sektor pertanian pada masa kini dan pada masa akan datang. Pertanian merupakan suatu bidang yang mampu memberikan pulangan yang besar dan merupakan suatu profesion yang menjana ekonomi negara.

Pertanian kini tidak lagi dianggap sebagai suatu profesion yang rendah malahan ia merupakan salah satu sektor yang menjadi pemangkin kepada perkembangan sesebuah negara. Dengan kata lain, bidang pertanian menjadikan negara sebagai tumpuan umum dan mungkin mampu menjadi pengeluar dalam sesuatu bidang pertanian.

### **Apakah pelajar dibimbing mengenai pemilihan kerjaya di dalam bidang pertanian?**

Tiga item tertinggi dipilih bagi menyokong persoalan kajian ini iaitu pada item kelima, item kelapan dan item ke-10. Nilai min keseluruhan item adalah 3.69 iaitu pada tahap yang tinggi. Item yang ke-10 merujuk pada item dengan min tertinggi iaitu 4.30 iaitu pelajar sekolah sering mendapat pemantauan daripada pihak sekolah. Di samping itu, pelajar juga mengetahui kelayakan yang penting dalam menceburi bidang pertanian yang menunjukkan min 3.98. Min ketiga tertinggi adalah 3.95 yang menunjukkan pihak sekolah dan guru sering membantu pelajar dalam bimbingan kerjaya bidang Sains Pertanian.

Kerjaya merupakan pekerjaan yang dilakukan oleh individu bagi mendapatkan pulangan dari segi kebendaan dan kepuasan diri. Dalam konteks pelajar sekolah menengah ini, kerjaya merupakan sasaran yang akan dicapai setelah mereka menamatkan pengajian dalam bidang pendidikan. Dengan pencapaian min keseluruhan sebanyak 3.69, jelas bahawa pelajar telah mendapat bimbingan kerjaya daripada pihak sekolah.

Pemantauan yang berkesan oleh pihak sekolah terhadap prestasi akademik pelajar mencerminkan usaha yang diambil untuk memastikan pelajar sentiasa berada pada laluan yang betul.

Pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah dalam meningkatkan lagi minat pelajar terhadap bidang pertanian juga menjadi pemangkin kepada kejayaan pelajar dalam bidang Sains Pertanian ini. Peranan guru dalam menguasai bidang Sains Pertanian mampu memberi galakan dan dorongan kepada pelajar untuk terus berjaya dalam bidang ini.

### **Rumusan**

Daripada analisis kesesuaian Sains Pertanian dengan keperluan kerjaya di dalam bidang pertanian didapati bahawa min yang tinggi iaitu 3.68 menunjukkan bahawa Pendidikan Sains Pertanian memenuhi keperluan industri.

Dapatan seterusnya menunjukkan bahawa kemahiran yang diperlukan dalam Pendidikan Sains Pertanian berada pada min tinggi iaitu 3.88. Dengan kata lain, kemahiran amatlah diperlukan dalam Pendidikan Sains Pertanian memandangkan bidang ini mampu menyediakan pelajar ke arah kerjaya yang terjamin setelah tamat pengajian di peringkat tinggi dalam bidang yang sama.

Analisis terhadap minat pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Sains Pertanian menunjukkan min 3.86 juga pada tahap tinggi. Faktor minat merupakan faktor yang penting dalam sesuatu perkara. Minat mampu menjadikan sesuatu perkara mencapai tahap yang tidak dapat dijangkakan. Di samping minat yang sedia ada dalam diri pelajar, minat yang sama juga perlu ditunjukkan oleh guru bagi memastikan pelajar tidak lentur minatnya dan mampu menjadikan Sains Pertanian sebagai suatu kerjaya yang membanggakan.

Bagi analisis terhadap faktor bimbingan terhadap pemilihan kerjaya pula, min yang diwakili oleh item ini adalah 3.69. Bimbingan terhadap pemilihan kerjaya merupakan dorongan yang diberikan kepada pelajar agar dapat membuat keputusan terhadap pemilihan kerjaya yang tepat selari dengan bidang yang mereka ceburi. Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru dan pihak sekolah dalam menjalankan tanggungjawab tersebut dengan lebih berkesan agar mampu melahirkan pelajar yang berkesan

## **Rujukan**

Abdul Fatah (1994). "Panduan Pendidikan Pertanian di Sekolah Umum". Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Abdul Rahman Aziz (1997). "Motivasi Dan Pembangunan Diri". Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Ahmad Mahdzan Ayob (2005). " Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi". Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mohd Saha Sharif (1976). "Kurikulum Sains Pertanian di Sekolah Menengah Vokasional Pertanian". Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Azizi Yahya *et al* (2006). "Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan". Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

Bakhtiar Mansur (1976). " Sikap Pelajar Terhadap Pendidikan Vokasional". Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Bogardus, E.S. (1931). *Fundamentals of Social Psychology*. New York : Century.

Cheah, Tat Huat (1976). "Program Pendidikan Vokasional Sains Pertanian dan Sains Rumah Tangga", Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Johnston, J. (1997). "Measuring Attitudes in Science : What Exactly are we Measuring and Why?". Paper presented at *BERA*, 1997.

Kamus Dewan (2007). "Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2005). "Pelan Induk Pembangunan Pendidikan" Kementerian Pelajaran Malaysia.

Khalid A. Raffar (1876). "Pengenalan Pertanian". Serdang: Universiti Putra Malaysia.



Landel K. (1997). "Management by Menu". London: Wiley and Sons Inco.

Louglo (1983). "Panduan Pendidikan Pertanian di Sekolah". Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999) "Modul Penyelidikan Pendidikan". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999) "Penyelidikan Pendidikan". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Najib Abdul Ghafar (2003) "Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Salleh dan Zaidatun (2003). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for windows". Kuala Lumpur: Ventonn Publishing.

Mohd Shah Lassim(1976). "Isu dan Masalah Pendidikan Vokasional Pertanian di Malaysia". Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Mohd Sheffie (1999). "Methodologi Pendidikan". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Yusuf Hussain (1976). "Buku Bacaan-bacaan dan Penulisan Pertanian". Serdang: Universiti Putra Malaysia.